

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI IPOH
DALAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
KES MAL NO:
SEKSYEN 50 / CERAI TAKLIQ**

**SIANTAN BINTI KIANTAN
NO. K/P: 630525-08-5475**

ANTARA

PLAINTIF

**PANDAK BIN PANJANG
NO. K/P: 601205-08-5621**

DENGAN

DEFENDAN

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Plaintiff adalah **SIANTAN BINTI KIANTAN NO. K/P: 630525-08-5475** isteri yang sah kepada Defendan dan beralamat di **Kg. Menora, 33000 Kuala Kangsar, Perak**. Plaintiff seorang surirumah. No Telefon : 011-5623780.

Sesalinan Kad Pengenalan Plaintiff dilampirkan dan ditandakan sebagai **Lampiran "A"**.

2. Defendan adalah **PANDAK BIN PANJANG NO. K/P: 601205-08-5621** adalah suami yang sah kepada Plaintiff dan beralamat di **Kg. sungai Pari, 30100 Ipoh, Perak**. Defendan bekerja sebagai Pegawai Polis. No Telefon :017-5618935

3. Plaintiff telah bernikah dengan Defendan pada 26 Disember 2012 di **Kg.Menora, 33000 Kuala Kangsar, Perak** mengikut daftar Banci nikah Bil : 80/83.

Sesalinan Surat Nikah dilampirkan dan ditandakan sebagai **Lampiran "B"**.

4. Hasil perkongsian hidup di antara Plaintiff dengan Defendan, kami telah dikurniakan dengan seorang (1) orang cahayamata iaitu:

Nama

Umur

i. Nur Adila Binti Pandak

6 Tahun

5. Selapas bernikah, Plaintiff dan Defendan menetap di Kampung manong, 33000 Kuala Kangsar dan sekarang menetap di rumah ibu bapa masing-masing kerana tinggal berasingan.
6. Pada awal tahun 2005 Defendan telah keluar rumah untuk mencari pekerjaan di Kuala Lumpur dan sehingga kini Defendan tidak pernah balik ke rumah. Pada awal perkahwinan, kehidupan kami adalah baik dan tidak ada sebarang masalah kecuali Defendan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap yang mana kami sering menghadapi masalah kewangan.

CERAI TAKLIQ

7. Semenjak Defendan keluar meninggalkan rumah, saya ada pergi mencarinya terutama di rumah keluarganya di Ipoh dan juga rumah saudara mara terdekat sebelah Defendan tetapi mereka juga tidak tahu ke mana Defendan pergi.
8. Sepanjang peninggalan Defendan, tidak ada sebarang nafkah yang ditinggalkan atau dikirimkan oleh Defendan untuk sara hidup Plaintiff dan anak-anak. Plaintiff terpaksa bekerja untuk mencari pendapatan dan sara hidup diri dan anak-anak.
9. Defendan juga pernah ditangkap oleh pihak Polis kerana disyaki terlibat dengan pengambilan penyalahgunaan dadah.
10. Pada masa akad nikah dahulu, Defendan ada berlaz Taklio dihadapan Penolong Pendaftar Nikah dan dua (2) orang saksi seperti berikut:

"Seperti di dalam sijil nikah"

11. Pihak keluarga Defendan juga tidak pernah datang menjenguk cucu-cucu mereka dan saya sepanjang peninggalan Defendan atau member sebarang nafkah untuk perbelanjaan saya dan anak-anak.
12. Oleh yang demikian, Plaintiff dengan rendah diri memohon kepada Mahkamah yang mulia ini Perintah seperti berikut:
 - a) Mahkamah meluluskan Permohonan Cerai Taklio di bawah Seksyen 50 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004;
 - b) Kos tindakan ini dan
 - c) Lain-lain relief yang suaimanfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

Bertarikh pada.....haribulan.....2012

.....
Plaintif

SAMAN DAN PERNYATAAN TUNTUTAN ini difaikkan oleh Plaintiff yang alamat untuk penyampaiannya di Kg. Menora, 33000 Kuala Kangsar, Perak.